

ASLI alukan kenyataan PM sedia keluarkan data ekuiti

KUALA LUMPUR 17 Okt. - Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) menyifatkan kesediaan kerajaan mendedahkan kaedah Unit Perancang Ekonomi (EPU) mencapai angka 18.9 peratus dalam pengiraan penguasaan ekuiti bumiputera negara sebagai satu tindakan yang baik.

Ketua Pegawai Operasi dan Pengarahnya, Datuk Dr. Michael Yeoh berkata, kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak berhubung perkara itu sangat dialu-alukan.

"Saya rasa ASLI mengalu-alukan kenyataan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri mengenai kesediaan kerajaan mengeluarkan data dan metodologi.

"Ia merupakan pergerakan ke arah haluan yang betul," katanya ketika ditemui di Persidangan Tanggungjawab Sosial Korporat dan Tadbir Urus Baik Malaysia 2006 anjuran ASLI, di sini hari ini.

Michael Yeoh berkata demikian ketika diminta mengulas perkembangan terbaru ekoran hasil kajian ASLI yang mendakwa golongan bumiputera sudah menguasai 45 peratus ekonomi negara.

Angka itu menerima kritikan hebat pelbagai pihak termasuk Abdullah yang menyifatkannya sebagai tidak berasas dan tidak bertanggungjawab kerana mengambil kira hanya 1,000 syarikat serta syarikat milik kerajaan (GLC) berbanding 600,000 syarikat yang diambil kira oleh EPU.